

30 AUG 1999

Mahathir-Sultan

RAKYAT DAN ANGGOTA PAS TIDAK TOLAK SULTAN KELANTAN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 30 Ogos (Bernama) -- Rakyat dan para anggota PAS di Kelantan tidak menolak Sultan Kelantan kecuali kalangan pemimpin parti itu yang gila kuasa sahaja berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata rakyat dan para anggota Pas masih menghormati raja-raja.

"Yang tidak hormat ialah kalangan pemimpin PAS yang gila kuasa hingga sanggup mengecam raja-raja," katanya pada persidangan akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan imam dan pegawai masjid seluruh Kedah, di Dewan Seri Negeri.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar hari ini mengenai dakwaan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan Wan Ismail Wan Jusoh bahawa rakyat Kelantan tidak lagi memperdulikan keluarga raja.

Wan Ismail juga dilaporkan berkata sekiranya Sultan Kelantan sendiri yang bertanding menentang Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam pilihan raya nanti, baginda pun akan kalah.

Wan Ismail berkata sekiranya Sultan Kelantan ditolak oleh rakyat negeri itu, inikan pula Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah yang hanya bapa saudara sultan.

Dr Mahathir berkata sikap pemimpin Pas itu menunjukkan mereka bukan tidak menghormati agama Islam malah turut tidak menghormati raja-raja.

Mereka hanya menggunakan agama Islam sebagai alat untuk memancing undi, katanya.

Mengenai tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap Wan Ismail berhubung kenyataannya itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji undang-undang yang sedia ada terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan lanjut.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim mungkin ada menyimpan dokumen yang bukan di bawah jagaannya di luar negeri.

Dr Mahathir berkata Anwar mungkin ada mengambil Kertas Siasatan pihak berkuasa sedangkan beliau bukan Menteri Dalam Negeri ketika itu.

"Ada pegawai bukan di bawah kementeriannya seperti polis dan Badan Pencegah Rasuah diarah berjumpa dengannya sedangkan dia bukan Menteri Dalam Negeri," katanya.

Anwar merancang menggunakan kertas itu untuk tujuan mengugut orang tertentu apabila dia menjadi Perdana Menteri kelak, katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menyiasat dakwaan-dakwaan yang terdapat di dalam dokumen-dokumen itu, Perdana Menteri berkata: "Kesahihan dokumen itu belum ditentukan lagi. Mungkin tipu. Kertas kerajaan dia boleh dapat dan boleh taip apa sahaja.

Mengulas tuduhan Anwar kononnya Dr Mahathir menghalang tindakan mahkamah dikenakan terhadap seseorang menteri kabinet berhubung kes rasuah, Dr Mahathir berkata: "Yang itu dia punya tuduhan. Apa bukti saya halang? Apa corak halangan saya? Saya bubuh kayu halang ke?"

-- BERNAMA

JM NMO